

SPPS JUARA LIGA SUKAN UMS



Sekolah Pendidikan dan Pembangunan Sosial (SPPS) telah dinobatkan sebagai Juara Liga Sukan Antara Sekolah UMS 2009. Acara yang telah bermula pada 13 Februari 2009 sehingga 28 Mac 2009 mengumpulkan seluruh mahasiswa/i UMS yang mewakili sekolah masing-masing untuk merebut kejuaraan dalam pelbagai acara sukan yang dipertandingkan. SPPS telah menjuarai empat acara sukan iaitu bola jaring, bola tampar wanita, sepak takraw dan bola sepak. Pasukan Bola Keranjang Wanita hanya berjaya merangkul naib johan bagi acara liga sukan ini. Kejayaan SPPS pada kali ini diharapkan dapat meningkatkan motivasi dan semangat dalam kalangan mahasiswa/i SPPS untuk cemerlang dalam bidang sukan di masa akan datang.

**“Majulah sukan
untuk SPPS”**